

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD GEMBIRA SEMUA RAMALAN NEGATIF KONONNYA PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 UMNO MUNGKIN DILANDA PERISTIWA TIDAK DIINGINI, MELESET BELAKA. SEBALIKNYA, KELICINAN DAN KEHARMONIAN SUASANA PERHIMPUNAN ITU MENCERMINKAN KEDEWASAAN SERTA KEMATANGAN ORANG MELAYU, KATA BELIAU. BERUCAP MENGGULUNG PERBAHASAN PADA AKHIR PERHIMPUNAN ITU BELIAU BERKATA BERDASARKAN SIFAT-SIFAT TERSEBUT ADALAH TEPAT SEKALI UMNO MENJADI PEMERINTAH NEGARA INI.

KATA BELIAU KALAU BEGITU CARANYA PARA PERWAKILAN MENGADAKAN PEMILIHAN DALAM SUASANA TENANG DAN AMAN, +TIADA SESIAPAPUN BOLEH PERTIKAIKAN KELAYAKAN KITA MEMIMPIN BARISAN NASIONAL.+

BELIAU BERKATA KEBIMBANGAN TENTANG RAMALAN PERISTIWA-PERISTIWA BURUK ITU MENDORONG MAJLIS TERTINGGI UMNO MENGADAKAN TIGA KALI MESYUARAT KHAS TAMBAHAN. -- LAGI.
1916MST 26 04 87

B B242 AAB
MAHATHIR - PERHIMPUNAN 2 KUALA LUMPUR R R R

KEBIMBANGAN MT TENTANG ASPEK KESELAMATAN PERHIMPUNAN KALI INI BERDASARKAN RAMALAN KONONNYA AKAN BERLAKU DEMONSTRASI, EJEKAN DAN PEMASANGAN SEPANDUK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MT PEKA KEPADA ASPEK KESELAMATAN MEMANDANGKAN 10,000 ORANG DIJANGKA MENGHADIRI PERHIMPUNAN KALI INI. +KALAU KITA LETAK 10,000 ORANG DI SINI (PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA), PERJALANAN PERSIDANGAN AKAN TERJEJAS.+

KATA BELIAU MALAHAN ADA DESAS-DESSUS KONONNYA 10,000 ORANG YANG DITEMPATKAN DI STADIUM NEGARA UNTUK MENGIKUTI PERSIDANGAN SECARA SIARAN LANGSUNG RTM AKAN BERARAK DAN +HENDAK MELANGGAR+ PWTC.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA BELIAU SENTIASA MENGIKUTI PERKEMBANGAN MENERUSI POLIS DAN BELIAU GEMBIRA SEMUA KEJADIAN YANG DIRAMALKAN ITU TIDAK BERLAKU. -- LAGI.
1919MST 26 04 87

B B247 AAB
MAHATHIR - PERHIMPUNAN 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA GEMBIRA BAHAWA PADA PERHIMPUNAN KALI INI PARA ANGGOTA PERWAKILAN MENGEMUKAKAN ISI PERBAHASAN YANG BERNAS MENGENAI PELBAGAI ISU.

MALAH, ADA ANGGOTA PERWAKILAN YANG MENYEDIAKAN UCAPAN MEREKA TERLEBIH DAHULU, KATA BELIAU.

PERKEMBANGAN POSITIF INI HASIL DARIPADA LAWATAN BELIAU KE NEGERI-NEGERI UNTUK MENEMUI PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA PARTI PADA SEMUA PERINGKAT.

SEMASA LAWATAN ITU, BELIAU MENERANGKAN PERLUNYA MEREKA MENGANGGAP PERHIMPUNAN AGUNG SEBAGAI FORUM YANG SERIUS.

BELIAU GEMBIRA KALI INI MEREKA MENUNJUKKAN KESEDARAN TENTANG BERATNYA TANGGUNGJAWAB MASING-MASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMBUAT LAWATAN ITU KERANA MENDAPATI MUTU PERBAHASAN PADA PERHIMPUNAN YANG LEPAS JATUH. -- LAGI.
1930MST 26 04 87

B B248 AAB
MAHATHIR - PERHIMPUNAN 4 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI AMANAT KEPADA MEREKA YANG MENANG PADA PEMILIHAN JAWATAN TERTINGGI DAN JAWATAN ANGGOTA BIASA MT KALI INI BAHAWA MEREKA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG BESAR.

TANGGUNGJAWAB MEREKA ADALAH KEPADA SELURUH PERWAKILAN DAN ANGGOTA PARTI DAN BUKAN SEKADAR KEPADA GOLONGAN YANG MEMILIH MEREKA SAHAJA, KATANYA. -- BERNAMA.
1931MST 26 04 87